

# Pakar saran peniaga belon guna Helium

» Gas Hidrogen berisiko meletup jika terkena api atau bercampur Oksigen

Oleh Fitri Nizam  
bhkt@bh.com.my

■ Kuala Terengganu

**P**eniaga belon disarankan menggantikan penggunaan gas Hidrogen kepada Helium bagi mengelakkan kejadian tidak diinginkan berlaku, terutama terhadap kanak-kanak.

Pakar Kimia Organik, Petrokimia dan Pemangkinan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Taufik Yap Yun Hin, berkata penggunaan gas Hidrogen dalam belon sangat be-



**Keratan laporan akhbar BH semalam.**

risiko lebih-lebih lagi kepada budak kecil kerana gas jenis ini sangat aktif.

Katanya, gas Hidrogen juga amat sensitif terhadap kandungan Oksigen dalam udara se-

lain akan bertindak balas terhadap api.

“Belon yang mengandungi gas Hidrogen mampu menyebabkan letupan jika terkena api atau bercampur dengan

Oksigen yang terkandung dalam udara.

## Hidrogen sangat ringan

“Tidak hairan jika peniaga belon memilih untuk menggunakan Hidrogen kerana gas ini sangat ringan namun risikonya amat tinggi hingga boleh mendatangkan kecederaan,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Semalam, BH melaporkan kejadian membabitkan seorang budak perempuan, Nur Aini Syakila Abdul Kadir, 3, yang melecur teruk di muka dan kepala akibat belon berisi gas yang dibeli di pasar malam, meletup.

Dalam kejadian jam 8.45 malam itu, Syakila dimasukkan ke Hospital Dungun sebelum dirujuk ke Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) berikutan kecederaan dihadapinya agak serius dan memerlukan perhatian pakar.

Taufik ketika mengulas kejadian itu berkata, beliau mengesyaki letupan itu berlaku akibat tindak balas gas Hidrogen yang dipercayai diisi di dalam belon berkenaan.

“Saya syak gas yang digunakan untuk mengempangkan belon itu adalah Hidrogen kerana jika Helium digunakan, perkara itu tidak akan terjadi,” katanya.

BH 30 OKTOBER 2018 • JUMAAT

## Budak melecur belon berisi gas meletup

» Letupan berikutan kebocoran ketika dibawa ke dapur

dul Kadir, dikejatkan ke Hospital Dungun untuk rawatan sebelum dirujuk ke Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), di sini. Sebelum kejadian itu, mangsa pergi ke pasar malam bersama



Nur Aini Syakila melecur teruk di muka dan kepala selepas terkenai percikan yang meletup di rumahnya di Kampung Bukit Merah, Dungun, semalam. (BHT)

Oleh Fitri Nizam  
bhkt@bh.com.my

■ Kuala Terengganu

**S**eorang budak perempuan berusia tiga tahun melecur teruk di muka dan kepala selepas belon berisi gas meletup di dapur rumahnya di Kampung Bukit Merah, Dungun, kelmarin. Berikutan kejadian jam 8.45

**INFO**  
Gas yang digunakan untuk mengempangkan belon

• Gas hidrogen - Tidak berbau, tidak berwarna, mudah meletup apabila bercampur gas oksigen dan mudah terbakar.  
• Gas helium - Tidak berbau, tidak berbau, ringan, tidak aktif dan tidak mudah terbakar.

ibunya, Mariah Mat Midin, 29, untuk membeli ayam goreng. Dia turut membelikan belon berisi gas sebelum pulang ke rumah.

Masih ketika ditemui di HSNZ semalam, berkata senibek tibia di rumah, dia tarok ke dapur untuk menyiapkan makanan anaknya. Ketika mencuri pinggan di dapur, anak sulungnya, Nur Aini Syakila, 7, membawa belon ber-

kenaan kepadanya setelah mendapati ada kelecoran kecil.

**Bunyi letupan**  
“Ketika Syakila membawa belon kepada saya, Syakila tiba-tiba meletupnya dan berteriak ke arah dapur. Saya kemudian dikejutkan dengan bunyi letupan seketika terkejutnya perlihatkan api.”  
\*Dalam keadaan panik, saya cu-

ba menyeka kepala turut memandikan air kerana mahu menenangkan hati.

“Saya takut kerana mahu menyelamatkan dia.”  
\*Dalam keadaan panik, saya cu-